

# Dana endowmen kukuh kewangan universiti awam

su 'ikat perut' mahasiswa Universiti Malaya (UM) akibat kesempitan wang seperti didehkan *BH* baru-baru ini seharusnya membuka mata universiti awam (UA) untuk melakukan perubahan dalam memastikan kemapanan kewangan sesebuah universiti.

Universiti tidak seharusnya mengharapkan dana kerajaan semata-mata memandangkan peruntukan perlu diagihkan sama rata bagi menampung keperluan ribuan mahasiswa yang ada di 20 UA di negara ini.

Di sinilah perlunya dana endowmen diwujudkan sebagai cara menambahkan pendapatan universiti selain bertujuan membantu membiaya yuran pengajian bagi pelajar kurang berkemampuan.

Konsep yang banyak dipraktikkan universiti di Eropah dan Amerika Syarikat sebenarnya dikatakan berasal daripada sistem dan amalan wakaf dalam Islam.

Hasilnya, konsep dimulakan di Universiti Oxford sekitar 1500 AH dimanfaatkan sepenuhnya di Barat membolehkan kebanyakan universiti ternama meraih dana



**Norhafzan Jaafar**

hafzan@bh.com.my

berbilion dolar. Universiti Harvard misalnya memiliki dana endowmen berjumlah AS\$38 bilion.

Malangnya, dana endowmen tidak begitu meluas diamalkan di universiti negara ini kerana masih mengharapkan dana kerajaan.

## **Pelan pendidikan jelas**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) sudah menyatakan secara jelas bahawa universiti awam perlu berganjak daripada sistem yang bergantung kepada sumber kerajaan semata-mata dengan beralih fokus kepada sistem lebih berhasil ke arah memastikan kemapanan kewangannya.

Bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zaini Ujang, berkata pelan

pembangunan itu, menyediakan kaedah lengkap pelaksanaan endowmen sebagai panduan universiti awam untuk mencari sumber pendapatan tambahan alternatif dalam menampung program dan perkhidmatan kepada pelajar tanpa menjejaskan kualiti pendidikan.

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) adalah universiti awam terawal di negara ini memulakan endowmen pada 2010, diperkenalkan Zaini yang ketika itu, Naib Canselor. Sehingga kini UTM mengumpulkan dana endowmen berjumlah hampir RM90 juta.

UM yang sudah lebih 100 tahun usianya dan dianggap universiti elit juga masih bergantung kepada dana kerajaan sedangkan sepatutnya sudah boleh bergerak memiliki dana alumni sendiri.

Menyedari perkara itu, Persatuan Alumni UM (PAUM) mula mengorak langkah dalam usaha mewujudkan sumber pembiayaan yang stabil dan mapan, sekaligus mengurangkan pergantungan terhadap dana awam.

Ahli lembaga pengarah UM, Datuk Ahmad Nazri Abdullah, ber-

kata universiti itu seharusnya bebas daripada pengaruh politik atau dikuasai mana-mana kumpulan elit ekonomi.

## **Elak tertakluk kuasa politik**

Universiti itu perlu direka bentuk semula demi kepentingan generasi akan datang kerana jika masih tertakluk kepada kuasa politik, UM tidak mampu memenuhi sasaran sebagai pusat kecemerlangan.

Dana endowmen adalah cara terbaik untuk membawa lebih ramai alumni kembali menyayangi dan menyumbangkan semula demi kesinambungan dan masa depan alma mater mereka.

Berdasarkan perbelanjaan semasa, UM memerlukan sekurang-kurangnya RM10 bilion dana endowmen untuk memastikan ia mampu bergerak bebas tanpa bantuan kerajaan.

Mengambil contoh tabung endowmen dan wakaf Universiti Putra Malaysia (UPM) diwujudkan sejak 2016, ia bermanfaat bagi keperluan pembangunan dan infrastruktur universiti, serta membantu mengurangkan kos sara hidup pelajar miskin.

Pengarah Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) UPM, Dr Razali Othman, berkata pusat itu sudah menjana pendapatan RM30.5 juta yang turut mengagihkan RM11.5 juta kepada mahasiswa memerlukan.

Tidak perlu mengharapkan derma daripada golongan jutawan atau golongan kaya semata-mata jika masyarakat sedar peranan mereka untuk menghulurkan sumbangan kepada universiti.

Harvard misalnya dilaporkan mampu meraih pendapatan baharu melebihi AS\$1 bilion (RM4.13 bilion) setiap tahun, dengan separuh daripada penderma mendermakan kurang AS\$1,000 (RM4,135) seorang.

Dalam era yang menuntut lebih banyak persaingan hari ini, pencapaian akademik semata-mata bukan lagi menjadi sandaran, sebaliknya keupayaan mengukuhkan sumber kewangan menentukan kemapanan sesebuah universiti.

**Penulis adalah** Wartawan Meja Rencana, BH